



**UCAPAN ALUAN  
MAJLIS PERJUMPAAN PENERUSI BERSAMA  
AHLI KELAB 2000 NEGERI KEDAH**

**OLEH  
TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD  
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA  
(PENGURUSAN & KORPORAT)**

TEMPAT: SUNGAI PETANI, KEDAH  
TARIKH : 28 JUN 2008  
MASA : 3.00 PETANG

**Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis**

**Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik  
Pengerusi RISDA**

**Yang Di hormati En. Azmi bin Mohamad  
Pengarah RISDA Negeri Kedah**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Merbok**

**Yang  
Ketua UMNO Bahagian Jerai**

**Yang  
Pegawai Daerah**

**Ketua Polis Daerah**

3

**Penghulu Mukim Gurun**

**Pegawai-Pegawai RISDA**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian**

4

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Perjumpaan Pengerusi Bersama Ahli Kelab 2000 RISDA Kedah pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan

5

rasmi yang lain. Saya juga mengambil kesempatan di sini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA yang begitu prihatin melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini Kita semua berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin yang mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, insya'Allah akan menjadi pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil Negeri Kedah untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.

6

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua ahli Kelab 2000 Negeri Kedah pada hari ini. Terlebih dahulu bagi pihak RISDA, saya mengucapkan tahniah kerana telah berjaya menjadi ahli Kelab 2000. Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

Keahlian Kelab 2000 ini adalah terbuka kepada semua pekebun kecil getah di seluruh negara yang merupakan pekebun kecil pemilik pengusaha untuk menyertainya.

7

**Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **2.0 Tujuan Penubuhan Kelab 2000**

2.1 Untuk menimbulkan semangat di kalangan pekebun kecil getah getah agar dapat meningkatkan produktiviti kebun mereka supaya pengeluarannya mencapai sekurang-kurangnya 2,000 kg/ha/setahun.

8

- 2.2 Memberi kesedaran kepada pekebun kecil bahawa dengan peningkatan hasil keluaran juga akan dapat meningkatkan pendapatan.
- 2.3 Memastikan pengeluaran hasil getah negara mencapai paras sekurang-kurangnya 1.10 juta metrik tan setahun.
- 2.4 Memastikan getah masih menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.

9

### **3.0 Penutup**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA yang baru yang buat pertama kali berjumpa Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga kepada terima kasih kami kepada YB /Dato' para jemputan serta semua ahli Kelab 2000 yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En

Azmi Mohamad, Pengarah RISDA Kedah serta Jawatankuasanya yang telah bekerja kuat untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalamualaikum w.b.t**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**